



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10  
TAHUN 1980**

---

**PERUBAHAN GAJI PASUKAN POLIS DI RAJA  
SEMAKAN GAJI BARU**

Kerajaan telah meluluskan suatu penyemakan gaji oleh Jawatan-kuasa Kabinet bagi Gaji Pegawai Sektor Awam yang akan dilaksanakan mulai daripada 1hb Julai, 1980 meliputi seluruh Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan.

2. Mulai dari 1hb Julai, 1980, saraan di dalam Perkhidmatan Polis adalah mengandungi:

- (i) Tanggagaji Baru;
- (ii) Elaun Khas Khidmat Polis tidak Berpencen.

3. Penyemakan gaji yang dikuatkuasa di bawah Pekeliling ini tidak mengubah kumpulan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan seperti tempoh percubaan, tarikh kenaikan gaji, sekatan percubaan, sekatan peperiksaan dan sekatan kecekapan menurut sepertimana yang diperuntukkan sebelum daripada penyemakan gaji ini. Skim-skim perkhidmatan akan terus berkuatkuasa dan hanya dipinda untuk melaksanakan tanggagaji baru yang telah diluluskan.

**LIPUTAN**

4. Anggota Polis Tambahan, Pasukan Kadet Polis, Yunit Kawalan Kawasan, Pasukan Pengakap Sempadan Sabah dan Sarawak (yang menyandang pangkat tersebut) adalah juga diliputi oleh Pekeliling ini.

**TANGGAGAJI BARU**

5. Tanggagaji-tanggagaji yang baru bagi Pasukan Polis adalah sepertimana yang terkandung di dalam Lampiran "A" kepada Pekeliling ini. Tawaran perlantikan baru selepas daripada 30-6-80 hendaklah menggunakan tanggagaji baru di bawah Pekeliling ini.

### **Tanggungaji Khas untuk Penyandang**

6. Tanggagaji-tanggungaji baru khas untuk penyandang sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Lampiran "A" hanya dipakai untuk pegawai yang sedang berkhidmat kerana gaji yang diterimanya atau tanggagaji yang dinikmatinya berlainan daripada tanggagaji hakiki bagi skimnya atau tidak dapat ditampung oleh tanggagaji hakiki baru di bawah Pekeliling ini. Tanggagaji-tanggungaji khas untuk penyandang ini tidak boleh dipakai bagi lantikan dan kenaikan pangkat pada atau selepas daripada tarikh kuatkuasa.

7. Pegawai tetap yang menikmati tanggagaji khas untuk penyandang akan layak juga untuk ditimbangkan bagi kenaikan pangkat kepada gred kenaikan pangkat dalam skim yang sama dengan syarat apabila dinaikkan pangkat, ia tersendirinya menerima tanggagaji hakiki dalam jawatan berkenaan mulai daripada tarikh kenaikan pangkatnya.

### **Pemindahan Gaji bagi Pegawai Tetap dan Sementara**

8. Gaji dan tanggagaji yang diterima oleh pegawai sedang berkhidmat hendaklah diubah ke tanggagaji baru berasaskan kodkod gaji masing-masing menurut Jadual di Lampiran "A" kepada Pekeliling ini. Pemindahannya adalah diasaskan dari matagaji di dalam tanggagaji sekarang ke matagaji di dalam tanggagaji baru berasaskan kepada "mata ke mata" seperti di dalam sifir-sifir pemindahan di Lampiran "B" kepada Pekeliling ini.

9. Bilangan matagaji di dalam tanggagaji baru itu adalah sama banyaknya dengan matagaji dalam tanggagaji yang ada sekarang. Oleh itu pemindahan gaji dari tanggagaji bersih sekarang ke tanggagaji baru ialah daripada suatu matagaji sekarang ke suatu matagaji yang bersefentangan dengannya di dalam tanggagaji baru. Misalnya, jika seseorang pegawai itu berada dalam matagaji yang pertama dalam tanggagaji sekarang, maka gajinya yang baru ialah matagaji pertama di dalam tanggagaji yang baru dan begitulah seterusnya.

### **Kenaikan Gaji pada Tarikh Kuatkuasa**

10. Tarikh kenaikan gaji dalam gred satu-satu jawatan sekarang adalah tidak berubah. Apabila tarikh kenaikan gaji seseorang pegawai itu jatuh pada tarikh kuatkuasa, maka pegawai itu hendaklah diberi kenaikan gajinya dalam tanggagaji sekarang dan sejurus selepas itu gaji yang diperolehinya selepas kenaikan itu hendaklah dipindahkan ke matagaji dalam tanggagaji baru sepertimana dalam perenggan 9 di atas.

### **Kenaikan Pangkat pada Tarikh Kuatkuasa**

11. Apabila seseorang pegawai dinaikkan pangkat mulai pada tarikh kuatkuasa, maka pemindahan gajinya ke tanggagaji baru hendaklah dilakukan dengan meletakkannya dalam gred kenaikan pangkat yang lama terlebih dahulu dan setelah ditentukan gajinya barulah dipindahkan ke tanggagaji baru bagi kod gaji gred berkenaan menurut cara yang tersebut di perenggan 9 di atas.

### **Tarikh Kenaikan Pangkat yang Dikebelakangkan**

12. Jika kenaikan pangkat seseorang pegawai berlaku setelah berpindah ke tanggagaji baru di bawah Pekeliling ini, dan kenaikan pangkatnya dikebelakangkan mengikut tarikh yang lebih

awal dari tarikh kuatkuasa, maka pemindahan gajinya ke tanggagaji baru pada tarikh kuatkuasa dengan cara sebagaimana di dalam perenggan 9 di atas, hendaklah berasaskan kepada matagaji dalam tanggagaji bersih sebelum tarikh kuatkuasa yang patut diperolehi dalam jawatan naik pangkatnya. Sebarang tunggakan gaji yang terlibat adalah dikira berasingan bagi tempoh sebelum tarikh kuatkuasa dan selepas tarikh kuatkuasa tanggagaji bersih 1976-80 yang dipinda dengan tarikh kuatkuasa dikebelakangkan.

#### **Keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib**

13. Sebarang hukuman yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ke atas mana-mana pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib jika melibatkan gaji atau pangkat hendaklah ditunaikan sepenuhnya dalam proses pemindahan gaji di bawah Pekeliling ini. Misalnya, jika kenaikan gaji seseorang pegawai itu ditahan atau ditangguhkan dalam tanggagajinya sekarang, maka setelah gajinya berpindah ke tanggagaji baru, maka kenaikan gajinya dalam tanggagaji barunya pun hendaklah ditahan atau ditangguhkan juga sehingga hukuman itu sempurna.

#### **Pemindahan Gaji Pegawai Kontrek**

14. Tertakluk kepada perenggan yang berikut, gaji dan tanggagaji bagi Pegawai Kontrek yang sedang berkhidmat bolehlah diselaraskan mulai dari tarikh kuatkuasa dengan tanggagaji baru menurut kod-kod gaji bagi jawatan yang berkenaan menurut cara yang tersebut di perenggan 9.

15. Gaji dan tanggagaji bagi Pegawai Kontrek yang tertakluk kepada syarat khas untuk penyandang atau tanggagaji dipercepatkan (accelerated scale) boleh juga diubahsuai kepada tanggagaji-tanggagaji baru secara khas untuk penyandang atau tanggagaji dipercepatkan yang direka bagi tujuan itu mengikut peraturan di perenggan 9 di atas.

16. Penyelarasan gaji kepada tanggagaji baru untuk Pegawai Kontrek hendaklah dilakukan oleh Suruhanjaya Pasukan Polis atau lain-lain pihak berkuasa perlantikan yang berkenaan dengan mengeluarkan "Endorsement Certificate" mengandungi pindaan tanggagaji di bawah Jadual kepada surat perjanjian perlantikan.

### **TAMBAHAN SARAAN TIDAK BERPENCEN**

#### **Elaun Khas Khidmat Polis**

17. Elaun Khas Khidmat Polis tidak berpencen akan dibayar mulai daripada tarikh kuatkuasa, kepada tiap-tiap pegawai seperti berikut:

	Pangkat	Kadar Elaun Sebulan
Penguasa Polis	... ..	\$250.00
Timbalan Penguasa Polis/ Penolong Penguasa Polis	... ..	\$125.00
Ketua Inspektor/Inspektor	... ..	\$ 75.00
Sab-Inspektor/Sarjan Mejar/Sarjan	... ..	\$ 45.00
Kopral/Lans Kopral/Konstabal	... ..	\$ 35.00

18. Elaun Khas Khidmat Polis boleh dibayar mengikut kadar yang penuh apabila seseorang pegawai/anggota yang layak menerima elaun itu cuti bergaji penuh. Jika seseorang pegawai/anggota itu bercuti separuh gaji, maka elaun yang dilayakinya itu hendaklah separuh daripada kadar elaun yang dilayakinya itu. Begitu juga jika seseorang pegawai/anggota itu ditahankerja dan hanya dibayar sebahagian sahaja daripada gajinya, maka elaun yang dilayakinya itu hendaklah sebahagian daripada kadar elaun yang dilayakinya itu mengikut nisbah yang sama dalam pengiraan gaji pegawai/anggota yang berkenaan. Walau bagaimanapun, elaun itu tidak boleh dibayar bagi tempoh pegawai bercuti tanpa gaji dalam sesuatu bulan, ataupun jika ia telah dikenakan hukuman oleh Pihak Berkuasa Tatatertib supaya dilucut hak gajinya, digantung kerja ataupun dibuang kerja.

#### LAIN-LAIN ELAUN DAN KEMUDAHAN

19. Kecuali elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang ditarik balik, pegawai/anggota boleh terus menerima elaun-elaun, kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa atau oleh Pekeliling ini tertakluk kepada syarat elaun, kemudahan atau keistimewaan yang semaksud tidak diberi lebih dari sekali.

20. Elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang berikut adalah ditarik balik:

- (i) Elaun Bayaran Yuran Sekolah;
- (ii) Elaun Dobi;
- (iii) Elaun "Dictaphone".

Walaupun bagaimanapun, pegawai yang sedang menerima bayaran Bantuan Yuran Sekolah adalah dibenarkan terus menerimanya secara khas untuk penyandang dengan syarat bayaran Bantuan Yuran Sekolah itu hanya layak dibayar hingga akhir tahun 1980.

#### **Elaun Keraian bagi Pegawai yang Berpangkat Penolong Pesuruhjaya ke atas**

21. Elaun Keraian adalah terus dibayar kepada Pegawai yang Diwartakan yang berpangkat Penolong Pesuruhjaya Polis ke atas termasuk juga pegawai yang memangku mana-mana jawatan itu, sama ada bagi tujuan naik pangkat atau tidak, dengan kadar yang berikut:

Ketua Polis Negara	...	...	...	...	\$2,000
Timbalan Ketua Polis Negara	...	...	...	...	\$1,200
Pesuruhjaya	...	...	...	...	\$1,000
Timbalan Pesuruhjaya	...	...	...	...	\$ 850
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I	...	...	...	...	\$ 650
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II	...	...	...	...	\$ 600
Penolong Pesuruhjaya	...	...	...	...	\$ 550

22. Jika pegawai yang memangku di perenggan 21 di atas bercuti dengan bergaji penuh selama 28 hari atau lebih berturut-turut, maka Elaun Keraian yang layak dibayar kepadanya hendaklah mengikut kadar yang berasaskan kepada gaji hakikinya.

#### **Elaun Keraian bagi Pegawai yang Pangkatnya Rendah daripada Penolong Pesuruhjaya**

23. Elaun Keraian bagi pegawai Polis yang pangkatnya rendah daripada pangkat Penolong Pesuruhjaya dan memegang jawatan sebagai "Pemerintah" adalah diteruskan seperti berikut:

	<i>Kadar Sebulan</i>	
Pegawai Pemerintah Briged PPH	\$150	} atau 5% daripada gaji bulanannya, mengikut mana yang lebih tinggi.
Pegawai Pemerintah Batalion PPH	\$100	
Komandan Sekolah Latihan PPH	\$100	
Komandan Maktab Polis ...	\$100	
Komandan Pusat Latihan Polis ...	\$100	
Komandan Sekolah Latihan	\$100	
Cawangan Khas ... ..	\$100	
Sab-Inspektor PPH ... ..	\$ 50	

24. Elaun Keraian di bawah perenggan 23 di atas tidak boleh dibayar kepada pegawai yang memangku jawatan-jawatan berkenaan apabila pegawai berkenaan bercuti atau tidak membuat tugas-tugas jawatan itu selama atau melebihi daripada 28 hari berturut-turut termasuk hari-hari kelepasan mingguan dan cuti am.

#### **Elaun Wilayah**

25. Elaun Wilayah bagi pegawai yang berkhidmat di Sabah dan di Sarawak adalah terus dibayar tetapi dengan perubahsuaian kepada kelayakannya seperti berikut:

Lingkungan Gaji	Kadar Berdasarkan % Gaji yang Diterima
Di bawah \$360 ... ..	25%
\$ 360-\$ 549 ... ..	22½%
\$ 550-\$ 959 ... ..	20%
\$ 960-\$1,939 ... ..	17½%
\$1,940-\$3,310 ... ..	15%
\$3,460 dan ke atas ... ..	12½%

#### **Elaun Penempatan Khas**

26. Lampiran "A" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1980 yang menetapkan kadar kelayakan Elaun Penempatan Khas adalah dipinda seperti berikut:

(a) Pegawai Semenanjung Malaysia yang ditukarkan ke Sabah-Sarawak—

Lingkungan Gaji	KADAR SEBULAN	
	Keluarga	Bujang
Kurang daripada \$360 ... ..	\$210	\$125
\$ 360-\$ 429 ... ..	\$240	\$155
\$ 430-\$ 549 ... ..	\$270	\$185
\$ 550-\$ 669 ... ..	\$300	\$215
\$ 670-\$ 799 ... ..	\$330	\$245

Lingkungan Gaji	KADAR SEBULAN	
	Keluarga	Bujang
\$ 800-\$1,039	\$360	\$275
\$1,040-\$1,119	\$390	\$305
\$1,120-\$1,239	\$420	\$335
\$1,240-\$1,359	\$450	\$365
\$1,360-\$1,504	\$480	\$395
\$1,505-\$1,939	\$510	\$425
\$1,940-\$2,594	\$550	\$465
\$2,595-\$2,919	\$600	\$515
\$2,920-\$3,189	\$650	\$565
\$3,190-\$3,459	\$700	\$615
\$3,460 dan ke atas	\$750	\$665

(b) Pegawai Sabah/Sarawak yang ditukar ke Semenanjung Malaysia—

Lingkungan Gaji	KADAR SEBULAN	
	Keluarga	Bujang
Kurang daripada \$360	\$170	\$ 85
\$ 360-\$ 429	\$190	\$110
\$ 430-\$ 549	\$215	\$130
\$ 550-\$ 669	\$240	\$155
\$ 670-\$ 799	\$265	\$180
\$ 800-\$1,039	\$290	\$205
\$1,040-\$1,119	\$310	\$230
\$1,120-\$1,239	\$335	\$250
\$1,240-\$1,359	\$360	\$275
\$1,360-\$1,504	\$385	\$300
\$1,505-\$1,939	\$410	\$325
\$1,940-\$2,594	\$440	\$355
\$2,595-\$2,919	\$480	\$395
\$2,920-\$3,189	\$520	\$435
\$3,190-\$3,459	\$560	\$475
\$3,460 dan ke atas	\$600	\$515

#### Elaun Pakaian Istiadat

27. (a) Elaun Pakaian Istiadat sebanyak \$500.00 adalah diberi sekali dalam tempoh tiap-tiap 10 tahun kepada pegawai dalam Bahagian I yang dikehendaki memakai pakaian seragam istiadat.
- (b) Pegawai yang telah diberi elaun ini menurut kadar lama dan tempoh 10 tahun itu belum lagi genap adalah dibenarkan menuntut baki yang tidak melebihi daripada jumlah perbezaan di antara kadar di perenggan 27 (a) di atas dengan elaun yang telah diterimanya dahulu.

### **Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah**

28. Bayaran Bantuan Menyenggara Rumah sebanyak \$1,500 setahun adalah dibayar kepada Ketua Polis Negara untuk menyenggara rumah dan kawasannya.

### **Bekalan Elektrik dan Air Percuma**

29. Ketua Polis Negara boleh menuntut bayaran elektrik dan air yang digunakan di sebuah rumah kediaman yang didudukinya.

## **PENGANGKUTAN DAN PERJALANAN**

### **Kelas dan Kekuatan Kenderaan**

30. Kelas dan kekuatan kenderaan bagi maksud menuntut hitungan batu di bawah Perintah Am 6 (b) Bab B adalah dipinda seperti berikut:

<i>Kelas</i>	<i>Gaji Pegawai</i>	<i>Sukatan Selinder Kenderaan</i>
A	Tidak kurang daripada \$1,420.00 sebulan	1,400 ss dan ke atas
B	Tidak kurang daripada \$1,200.00 sebulan	1,000 ss dan ke atas
C	Tidak kurang daripada \$820.00 sebulan	Di bawah 1,000 ss
D	Kurang daripada \$820.00 sebulan	Tidak kurang daripada 175 ss
E	Kurang daripada \$820.00 sebulan	Di bawah 175 ss

### **Lawatan Tambang Percuma**

31. Ketua Polis Negara boleh menikmati kemudahan tambang percuma untuk membuat lawatan ke luar negeri sekali dalam tempoh lima tahun perkhidmatan dengan diiringi oleh isteri dan tiga orang anak di bawah umur 21 tahun yang masih dalam tanggungannya. Tambang perjalanan itu tidak boleh melebihi tambang dari Kuala Lumpur ke London pergi dan balik iaitu tambang Kelas I bagi pegawai dan isterinya dan tambang Kelas Ekonomi bagi anak-anak yang mengiringinya.

### **Pegawai Bahagian I Semenanjung Malaysia**

32. Kemudahan lawatan tambang percuma pergi dan balik yang sekarang dinikmati oleh pegawai Bahagian I yang dahulunya tertakluk kepada peruntukan Perintah Am 37 Bab "C" Tahun 1956 hendaklah ditetapkan secara khas untuk penyandang. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak diberi kepada pegawai yang dilantik pada atau selepas 15hb November, 1970.

### **Pegawai di Sabah**

33. Kemudahan tambang percuma untuk lawatan ke Hong Kong atau Kuala Lumpur sekali dalam jangkamasa 3 tahun perkhidmatan bagi pegawai Bahagian I yang berasal dan berkhidmat di Sabah, yang dahulunya tertakluk kepada Peraturan 134, Peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam Sabah 1969, hendaklah diteruskan secara khas untuk penyandang. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak diberi kepada pegawai Pasukan Polis yang dilantik selepas daripada 1hb November, 1971.

34. Kemudahan tambang percuma untuk balik ke kampung atau ke tempat pengambilan sekali dalam jangkamasa 3 tahun perkhidmatan bagi pegawai Bahagian lain yang berasal dan berkhidmat di Sabah, yang dahulunya tertakluk kepada Peraturan 135, Peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam Sabah 1969, hendaklah diteruskan secara khas untuk penyandang. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak diberi kepada pegawai Pasukan Polis yang dilantik selepas 1hb November, 1971.

35. Kemudahan tambang percuma untuk pegawai yang dahulunya dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas, Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas dan Kumpulan Perkeranian dan Teknik yang berasal dan berkhidmat di Negeri Sabah ke Semenanjung Malaysia sekali dalam tempoh tiga tahun perkhidmatan adalah dimansuhkan. Walau bagaimanapun, kemudahan ini hendaklah diteruskan secara khas untuk penyandang bagi pegawai Pasukan Polis yang setujuterima pemindahan ke tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Laporan Gaji Suffian dan tergolong dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik ke atas serta pegawai Pasukan Polis yang dilantik ke dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik ke atas pada atau selepas daripada 1hb November, 1971 tetapi sebelum:

- (i) 1hb Julai, 1976 bagi pegawai Polis pangkat rendah; dan
- (ii) 1hb Julai, 1977 bagi pegawai Polis yang diwartakan.

#### **Pegawai di Sarawak**

36. Kemudahan tambang percuma untuk lawatan ke luar negeri sekali dalam tempoh perkhidmatan bagi pegawai Bahagian I, II atau pegawai tertentu dalam Bahagian III yang berasal dan berkhidmat di Sarawak, yang dahulunya tertakluk kepada Perintah Am Sarawak (1965) 214 (3), hendaklah diteruskan secara khas untuk penyandang. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak diberi kepada pegawai Pasukan Polis yang dilantik selepas daripada 1hb November, 1971.

37. Kemudahan tambang percuma setahun sekali untuk balik ke kampung bagi semua golongan pegawai yang berasal dan berkhidmat di Sarawak, yang dahulunya tertakluk kepada Perintah Am Sarawak (1965) 214 (1) (a), hendaklah diteruskan secara khas untuk penyandang. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak diberi kepada pegawai Pasukan Polis yang dilantik selepas daripada 1hb November, 1971.

38. Kemudahan Elaun Cuti yang diberi kepada pegawai Bahagian I dan pegawai tertentu dalam Bahagian II yang berasal dan berkhidmat di Sarawak, yang dahulunya tertakluk kepada Perintah Am Sarawak (1965) 215 (a), sekali dalam jangkamasa 3 tahun perkhidmatan hendaklah diteruskan secara khas untuk penyandang. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak diberi kepada pegawai Pasukan Polis yang dilantik selepas daripada 1hb November, 1971.

39. Kemudahan tambang percuma untuk lawatan ke negeri selain daripada Sarawak bagi pegawai lain yang berasal dan berkhidmat di Sarawak, yang dahulunya tertakluk kepada Perintah Am Sarawak (1965) 215 (b), sekali dalam jangkamasa 3 tahun perkhidmatan hendaklah diteruskan secara khas untuk penyandang. Walau bagaimanapun kemudahan ini tidak diberi kepada pegawai Pasukan Polis yang dilantik selepas daripada 1hb November, 1971.



40. Kemudahan tambang percuma untuk pegawai yang dahulunya dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas, Kumpulan Kerja dan Separa Ikhtisas dan Kumpulan Perkeranian dan Teknik yang dilantik dan sedang berkhidmat di Negeri Sarawak ke Semenanjung Malaysia sekali dalam tempoh 3 tahun perkhidmatan adalah dimansuhkan. Walau bagaimanapun, kemudahan ini hendaklah diteruskan secara khas untuk penyandang bagi:

- (i) pegawai Polis Pangkat Rendah yang dilantik pada atau selepas daripada 1hb November, 1971 tetapi sebelum 1hb Julai, 1976;
- (ii) pegawai Polis yang diwartakan yang dilantik pada atau selepas daripada 1hb November, 1971 tetapi sebelum 1hb Julai, 1977.

#### **Elaun Detektif**

41. Anggota Polis yang ditugaskan sebagai detektif (mata-mata gelap) adalah terus layak menerima Elaun Detektif di atas kadar seperti berikut:

Sab-Inspektor	...	...	...	...	\$70.00 sebulan
Sarjan Mejar	...	...	...	...	\$50.00 sebulan
Sarjan/Kopral	...	...	...	...	\$40.00 sebulan
Lans Kopral/Konstabal	...	...	...	...	\$30.00 sebulan

#### **PEGAWAI-PEGAWAI YANG MEMANGKU JAWATAN YANG TINGGI**

##### **Keistimewaan Pegawai Yang Dilantik Memangku**

42. Seseorang pegawai yang memangku jawatan yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan yang sama dengan tujuan naik pangkat adalah layak menikmati keistimewaan yang berupa elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan untuk jawatan yang dipangkunya sepertimana yang dilayaki oleh pemegang hakiki jawatan tersebut dan ia tidak lagi menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang berasaskan kepada jawatan hakikinya.

43. (i) Seseorang pegawai yang memangku jawatan yang lebih tinggi bukan dengan tujuan naik pangkat adalah layak menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan dalam jawatan yang dipangkunya melainkan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (a) Bayaran Bantuan Sewa Rumah;
- (b) Bayaran Penyelenggaraan Rumah;
- (c) Peruntukan Kereta Rasmi;
- (d) Cuti di atas kadar pegawai hakiki jawatan itu;
- (e) Lawatan tambang percuma;
- (f) Bekalan Letrik dan Air Percuma;
- (g) Pinjaman kenderaan atau perumahan di atas kadar jawatan yang dipangku.

(ii) Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai yang memangku itu layak menikmati mana-mana elaun atau kemudahan di bawah (a) hingga (g) di atas, maka ia hanyalah layak menikmatinya atas kadar bagi jawatan hakikinya sahaja.

(iii) Bagi pemangkuan yang berpanjangan tetapi bukan dengan tujuan naik pangkat maka kelayakan untuk menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang berasaskan kepada jawatan yang dipangku oleh pegawai itu hendaklah ditimbang oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

44. Pegawai yang berpangkat Penguasa Polis ke bawah yang memangku jawatan Penolong Pesuruhjaya Polis ke atas bukan dengan tujuan dinaikkan pangkat tidak layak menikmati Elaun Khas Khidmat Polis bagi jawatan hakikinya.

#### **Tarikh Kuatkuasa Pembayaran Elaun-elaun bagi Pegawai-pegawai Yang Memangku**

45. Pegawai yang memangku jawatan yang lebih tinggi sama ada bagi tujuan naik pangkat ataupun tidak hendaklah dibayar atau diberi elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan berasaskan kepada kelayakan jawatan yang dipangkunya itu, tertakluk kepada perenggan 43 di atas, mulai daripada tarikh kuatkuasanya pemangkuan itu.

46. (i) Apabila elaun atau kemudahan yang dibekalkan bagi jawatan yang dipangku itu berkenaikan, maka pegawai yang memangku jawatan itu hanya boleh dibayar elaun di atas kadar minima bagi jawatan yang dipangkunya itu dalam tempoh pemangkuan itu. Selanjutnya jika pegawai itu dinaikkan pangkat ke jawatan yang dipangkunya itu, elaun-elaun dan kemudahan secara hakiki bagi jawatan itu hendaklah bermula daripada tarikh 1 haribulan berikutan daripada tarikh surat pengumuman kenaikan pangkat itu sekiranya kenaikan pangkat itu dikebelakangkan tarikh kuatkuasanya.

(ii) Bagi elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang ditetapkan berasaskan kepada gaji bulanan pula maka perkiraan bayaran atau kelayakan pegawai itu hendaklah berasaskan kepada jumlah gaji hakiki dan Elaun Memangku sekiranya gaji hakiki yang diterimanya itu kurang daripada gaji minima jawatan yang dipangkunya itu. Dalam keadaan di mana gaji hakiki itu bersamaan atau melebihi daripada gaji minima jawatan yang dipangkunya maka perkiraan kelayakan elaun atau kemudahan pegawai itu hendaklah diasaskan kepada gaji hakikinya. Seterusnya apabila pegawai yang memangku jawatan itu dinaikkan pangkat ke jawatan yang dipangkunya itu maka elaun-elaun atau kemudahan secara hakiki hendaklah bermula daripada tarikh 1 haribulan berikutan daripada tarikh surat pengumuman kenaikan pangkat itu sekiranya kenaikan pangkat itu dikebelakangkan tarikh kuatkuasanya.

## PERUMAHAN

**Bayaran Bantuan Sewa Rumah**

47. Tertakluk kepada kaedah bagi menentukan Rumah Khas Jawatan, pegawai yang tidak menduduki rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan adalah layak diberi bayaran Bantuan Sewa Rumah dengan kadar-kadar yang berikut:

Jawatan	Kadar Sebulan
Ketua Polis Negara ... ..	\$2,000
Timbalan Ketua Polis Negara ... ..	\$1,500
Pesuruhjaya ... ..	\$1,000
Timbalan Pesuruhjaya ... ..	\$ 800
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I ... ..	\$ 650
Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis II ... ..	\$ 500
Penolong Pesuruhjaya ... ..	\$ 450
Penguasa ... ..	\$ 400
Timbalan Penguasa ... ..	\$ 370
Penolong Penguasa ... ..	\$ 350
Ketua Inspektor ... ..	\$ 310
Inspektor ... ..	\$ 260
Sab-Inspektor ... ..	\$ 138
Sarjan Mejar ... ..	\$ 138
Sarjan ... ..	\$ 138
Kopral ... ..	\$ 138
Lans Kopral ... ..	\$ 85
Konstabal ... ..	\$ 85

48. Kaedah bayaran Bantuan Sewa Rumah di atas adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan Sewa Rumah adalah dibayar kepada pegawai yang berkenaan yang tidak menduduki Rumah Khas Jawatan atau Rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan bagi maksud itu;
- (ii) Pegawai berkenaan yang menduduki Rumah Khas Jawatan atau Rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan bagi maksud itu tidak dikenakan apa-apa bayaran sewa tetapi tidak layak dibayar Bantuan Sewa Rumah;
- (iii) Pegawai suami dan isteri yang kedua-duanya dalam pangkat-pangkat tersebut yang menduduki Rumah Khas Jawatan atau Rumah Kerajaan atau rumah yang disewakan oleh Kerajaan untuk maksud itu, hanya pegawai yang diperuntukkan rumah demikian sahaja tidak layak dibayar Bantuan Sewa Rumah;
- (iv) Pegawai yang berkenaan yang mengikuti kursus dengan bergaji penuh sama ada dengan biasiswa ataupun tidak adalah layak dibayar Bantuan Sewa Rumah. Tetapi jika biasiswa itu mengandungi unsur bantuan sewa rumah yang nilainya sama atau lebih rendah daripada kadar Bantuan Sewa Rumah yang dilayaki di bawah perenggan

47 di atas, maka unsur bantuan sewa rumah itu hendaklah ditolak daripada biasiswa yang diterimanya. Walau bagaimanapun, jika unsur bantuan sewa rumah yang terkandung di dalam biasiswa itu lebih tinggi, maka ia layak menerima bantuan sewa rumah yang terkandung di dalam biasiswa itu, tetapi sebaliknya ia tidak layak dibayar Bantuan Sewa Rumah mengikut perenggan 47 di atas.

49. Pegawai yang menduduki rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan, selain daripada Rumah Khas atau Rumah Khas Jabatan, yang telah diberi bantuan pinjaman perumahan untuk mendirikan rumah atau membelinya dalam lingkungan 20 kilometer daripada pejabatnya, hendaklah mengosongkan rumah Kerajaan yang didudukinya itu sebaik sahaja rumah yang didirikan atau dibelinya itu telah disahkan layak didiami.

#### **Rumah Khas Jabatan bagi Pasukan Polis**

50. Pegawai Yang Diwartakan yang berpangkat Penguasa Polis, Timbalan Penguasa Polis dan Penolong Penguasa Polis adalah layak menduduki Rumah Khas Jabatan dengan tidak dikenakan sebarang sewa. Sekiranya rumah Kerajaan tidak dapat disediakan untuk seseorang pegawai yang berkenaan, maka Ketua Jabatannya boleh menyewa sebuah rumah swasta menurut had sewa yang ditetapkan dari semasa ke semasa untuk dijadikan Rumah Khas Jabatan bagi pegawai itu.

51. Pegawai Pasukan Polis yang berpangkat Ketua Inspektor Polis atau Inspektor Polis sekarang ini tidak lagi dikenakan bayaran sewa nominal jika menduduki rumah Kerajaan ataupun rumah yang disewa oleh Kerajaan.

#### **Skim Bantuan Pinjaman Perumahan**

52. Skim Bantuan Pinjaman Perumahan berpinda akan dilaksanakan melalui Pekeliling Perbendaharaan yang akan dikeluarkan oleh Perbendaharaan.

53. (i) Pekeliling ini menggantikan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1980 yang dengan ini dibatalkan.

(ii) Lampiran 'D' kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1977 hendaklah dipinda untuk melaksanakan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan seperti di dalam Pekeliling ini.

#### **Am**

54. Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah bertanggungjawab dengan pelaksanaan syarat-syarat Perkhidmatan ini dan sekiranya ada sebarang keraguan maka penjelasan hendaklah diminta daripada Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR.

*5hb Disember, 1980.*

**PEMINDAHAN TANGGAGAJI JAWATANKUASA  
KABINET KEPADA TANGGAGAJI BARU BAGI  
PERKHIDMATAN POLIS**

<i>Jadual Bilangan</i>	<i>Pangkat</i>	<i>Tanggungaji Jawatan- kuasa Kabinet</i>	<i>Kod Gaji</i>	<i>Tanggungaji Baru</i>
POL—1	Konstabal. . .	\$205 × 15-265/280 × 15-310/340 × 30-520	P 18	\$270 × 15-330/345 × 15-375/405 × 30-585
POL—2	Lans Koperal . . .	\$550/(3 tahun peni- laian)/580	P 17	\$615/(3 tahun peni- laian)/645
POL—3	Koperal . . .	\$370 × 30-490/520 × 30-580 × 50-680	P 16	\$435 × 30-555/585 × 30-645 × 50-745
POL—4	Sarjan . . .	\$580 × 50-630/680 × 50-780	P 15	\$645 × 50-695/745 × 50-845
POI.—5	Sarjan Mejar . . .	\$730 × 50-780/830 × 50-880	P 14	\$795 × 50-845/895 × 50-945
POL—6	Sub-Inspektor . . .	\$880 × 50-1,030	P 13	\$945 × 50-1,095
POL—7	Inspektor . . .	\$520 × 30-580/630 × 50-1,030 × 75-1,180/ Sekatan Kecekapan	P 12	\$620 × 30-680/730 × 50-1,130 × 75-1,280/ Sekatan Kecekapan
POL—8	Ketua Inspektor . . .	\$1,255 × 75-1,630	P 11	\$1,355 × 75-1,730
POL—9	Penolong Penguasa Polis	\$805 × 75-955/1,030 × 75-2,005	P 10	\$940 × 75-1,090/ 1,165 × 75-2,140
POL—10	Timbalan Penguasa Polis	\$1,500 × 75-2,025	P 9	\$1,635 × 75-2,160
POL—11	Penguasa Polis . . .	\$2,125 × 100-2,425	P 8	\$2,470 × 100-2,770
POL—12	Penolong Pesuruh- jaya Polis	\$2,525 × 120-2,645	P 7	\$2,920 × 120-3,040
POI.—13	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred II	\$2,745 × 120-2,865	P 6	\$3,190 × 120-3,310
POL—14	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Gred I	\$2,965 × 150-3,115	P 5	\$3,460 × 150-3,610
POL—15	Timbalan Pesuruh- jaya Polis	\$3,215 × 150-3,365	P 4	\$3,760 × 150-3,910
POL—16	Pesuruhjaya Polis	\$3,465 × 150-3,615	P 3	\$4,060 × 150-4,210
POL—17	Timbalan Ketua Polis Negara	\$3,900 × 150-4,050	P 2	\$4,510 × 150-4,660
POL—18	Ketua Polis Negara	\$4,950 × 200-5,150	P 1	\$5,560 × 200-5,760

M. L. H.  
1.10.83

360 x 15-

330/345

215-375

1405030

- 580

**SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI  
PERKHIDMATAN POLIS**

**Jadual Bilangan: POL—1**

**KONSTABAL**

**I. TANGGAGAJI SEKARANG**

1. Tanggagaji:  $\$205 \times 15-265/280 \times 15-310/340 \times 30-520$

2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: Tiada.

**II. TANGGAGAJI BARU**

1. Tanggagaji: P 18— $\$270 \times 15-330/345 \times 15-375/405 \times 30-585$

2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: Tiada.

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang	Gaji Baru
\$ c.	\$ c.
205.00	270.00
220.00	285.00
235.00	300.00
250.00	315.00
265.00	330.00
280.00	345.00
295.00	360.00
310.00	375.00
340.00	405.00
370.00	435.00
400.00	465.00
430.00	495.00
460.00	525.00
490.00	555.00
520.00	585.00

**Jadual Bilangan: POL—2****LANS KOPRAL****I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |   |                                   |
|---|-----------------------------------|
| 1. Tanggagaji:                          | \$550/(3 tahun penilaian)/<br>580 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada.                            |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Tanggagaji:                          | P 17—\$615/(3 tahun peni-<br>laian)/645 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang. | Tiada.                                  |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
	550 00		615 00
	<hr/> 580 00		<hr/> 645 00

**Jadual Bilangan: POL—3****KOPRAL****I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |   |                                    |
|---|------------------------------------|
| 1. Tanggagaji:                          | \$370×30-490/520×30-<br>580×50-680 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada.                             |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Tanggagaji:                          | P 16—\$435×30-555/585×30-<br>645×50-745 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada.                                  |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
370	00	435	00
400	00	465	00
430	00	495	00
460	00	525	00
490	00	555	00
<hr/>		<hr/>	
520	00	585	00
550	00	615	00
580	00	645	00
630	00	695	00
680	00	745	00



## Jadual Bilangan: POL—4

## SARJAN

## I. TANGGAGAJI SEKARANG

- |                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| 1. Tanggagaji:                       | $\$580 \times 50-630 / 680 \times 50-780$ |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada.                                    |

## II. TANGGAGAJI BARU:

- |                                      |  |
|--------------------------------------|--|
| 1. Tanggagaji:                       | $P 15 - \$645 \times 50-695 / 745 \times 50-845$ |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada.   |

## III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
580	00	645	00
630	00	695	00
<hr/>		<hr/>	
680	00	745	00
730	00	795	00
780	00	845	00

**Jadual Bilangan: POL—5****SARJAN MEJAR****I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |                                      |                             |
|--------------------------------------|-----------------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$730 × 50-780/830 × 50-880 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada                       |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |                                      |                                  |
|--------------------------------------|----------------------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | P 14—\$795 × 50-845/895 × 50-945 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada                            |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
730	00	795	00
780	00	845	00
<hr/>		<hr/>	
830	00	895	00
880	00	945	00

**Jadual Bilangan: POL—6**

**SUB-INSPEKTOR**

**I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |                                      |                  |
|--------------------------------------|------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$880 × 50-1,030 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada.           |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |                                      |                       |
|--------------------------------------|-----------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | P 13—\$945 × 50-1,095 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada.                |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
880	00	945	00
930	00	995	00
980	00	1,045	00
1,030	00	1,095	00

## Jadual Bilangan: POL—7

## INSPEKTOR

## I. TANGGAGAJI SEKARANG

- |   |   |
|---|---|
| 1. Tanggagaji:                          | \$520 × 30-580/630 × 50-<br>1,030 × 75-1,180/Sekatan<br>Kecekapan |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada   |

## II. TANGGAGAJI BARU

- |   |   |
|---|---|
| 1. Tanggagaji:                          | P 12—\$620 × 30-680/730 ×<br>50-1,130 × 75-1,280/Sekatan<br>Kecekapan |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada   |

## III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang	Gaji Baru
\$ c.	\$ c.
520 00	620 00
550 00	650 00
580 00	680 00
<hr/>	<hr/>
630 00	730 00
680 00	780 00
730 00	830 00
780 00	880 00
830 00	930 00
880 00	980 00
930 00	1,030 00
980 00	1,080 00
1,030 00	1,130 00
1,105 00	1,205 00
1,180 00	1,280 00
<hr/>	<hr/>

**Jadual Bilangan: POL-8****KETUA INSPEKTOR****I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |   |                    |
|---|--------------------|
| 1. Tanggagaji:                          | \$1,255 × 75-1,630 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada              |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |   |                         |
|---|-------------------------|
| 1. Tanggagaji:                          | P 11—\$1,355 × 75-1,730 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada                   |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang	Gaji Baru
\$ c.	\$ c.
1,255 00	1,355 00
1,330 00	1,430 00
1,405 00	1,505 00
1,480 00	1,580 00
1,555 00	1,655 00
1,630 00	1,730 00

**Jadual Bilangan: POL—9**

**PENOLONG PENGUASA POLIS**

**I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |                                      |                                 |
|--------------------------------------|---------------------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$805 × 75-995/1,030 × 75-2,005 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada                           |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |                                      |  |
|--------------------------------------|--|
| 1. Tanggagaji:                       | P 10—\$940 × 75-1,090/1,165 × 75-2,140 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada                                  |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang	Gaji Baru
\$ c.	\$ c.
805 00	940 00
880 00	1,015 00
955 00	1,090 00
1,030 00	1,165 00
1,105 00	1,240 00
1,180 00	1,315 00
1,255 00	1,390 00
1,330 00	1,465 00
1,405 00	1,540 00
1,480 00	1,615 00
1,555 00	1,690 00
1,630 00	1,765 00
1,705 00	1,840 00
1,780 00	1,915 00
1,855 00	1,990 00
1,930 00	2,065 00
2,005 00	2,140 00

## Jadual Bilangan: POL—10

## TIMBALAN PENGUASA POLIS

I. TANGGAGAJI SEKARANG		
1. Tanggagaji:		\$1,500 × 75-2,025
2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang:		Tiada
II. TANGGAGAJI BARU		
1. Tanggagaji:		P 9—\$1,635 × 75-2,160
2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang:		Tiada
III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU		
1. Tanggagaji:		
	Gaji Sekarang	Gaji Baru
	\$ c.	\$ c.
	1,500 00	1,635 00
	1,575 00	1,710 00
	1,650 00	1,785 00
	1,725 00	1,860 00
	1,800 00	1,935 00
	1,875 00	2,010 00
	1,950 00	2,085 00
	2,025 00	2,160 00

## Jadual Bilangan: POL—11

## PENGUASA POLIS

## I. TANGGAGAJI SEKARANG

- |                                      |                     |
|--------------------------------------|---------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$2,125 × 100-2,425 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada               |

## II. TANGGAGAJI BARU

- |                                      |                         |
|--------------------------------------|-------------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | P 8—\$2,470 × 100-2,770 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada                   |

## III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
2,125	00	2,470	00
2,225	00	2,570	00
2,325	00	2,670	00
2,425	00	2,770	00



## Jadual Bilangan: POL—12

## PENOLONG PESURUHJAYA POLIS

I. TANGGAGAJI SEKARANG		
1. Tanggagaji:		\$2,525 × 120-2,645
2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang:		Tiada
II. TANGGAGAJI BARU		
1. Tanggagaji:		P 7—\$2,920 × 120-3,040
2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang:		Tiada
III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU		
1. Tanggagaji:		
	Gaji Sekarang	Gaji Baru
	\$ c.	\$ c.
	2,525 00	2,920 00
	2,645 00	3,040 00

## Jadual Bilangan: POL—13

PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS  
GRED II

## I. TANGGAGAJI SEKARANG

- |                                      |                     |
|--------------------------------------|---------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$2,745 × 120-2,865 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada               |

## II. TANGGAGAJI BARU

- |                                      |                         |
|--------------------------------------|-------------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | P 6—\$3,190 × 120-3,310 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada                   |

## III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
2,745	00	3,190	00
2,865	00	3,310	00

**Jadual Bilangan: POL—14****PENOLONG KANAN PESURUHJAYA POLIS  
GRED I**

<b>I. TANGGAGAJI SEKARANG</b>	
1. Tanggagaji:	\$2,965 × 150-3,115
2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang:	Tiada
<b>II. TANGGAGAJI BARU</b>	
1. Tanggagaji:	P 5—\$3,460 × 150-3,610
2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang:	Tiada
<b>III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU</b>	
1. Tanggagaji:	
Gaji Sekarang	Gaji Baru
\$ c.	\$ c.
2,965 00	3,460 00
3,115 00	3,610 00

## Jadual Bilangan: POL—15

## TIMBALAN PESURUHJAYA POLIS

## I. TANGGAGAJI SEKARANG

- |                                      |                     |
|--------------------------------------|---------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$3,215 × 150-3,365 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada               |

## II. TANGGAGAJI BARU

- |                                      |                         |
|--------------------------------------|-------------------------|
| 1. Tanggagaji:                       | P 4—\$3,760 × 150-3,910 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada                   |

## III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
3,215	00	3,760	00
3,365	00	3,910	00

## Jadual Bilangan: POL—16

## PESURUHJAYA POLIS

## I. TANGGAGAJI SEKARANG

- |   |                     |
|---|---------------------|
| 1. Tanggagaji:                          | \$3,465 × 150-3,615 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada               |

## II. TANGGAGAJI BARU

- |   |                         |
|---|-------------------------|
| 1. Tanggagaji:                          | P 3—\$4,060 × 150-4,210 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada                   |

## III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
3,465	00	4,060	00
3,615	00	4,210	00

## Jadual Bilangan: POL—17

## TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA

I. TANGGAGAJI SEKARANG	
1. Tanggagaji:	\$3,900 × 150-4,050
2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang:	Tiada
II. TANGGAGAJI BARU	
1. Tanggagaji:	P 2—\$4,510 × 150-4,660
2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang:	Tiada
III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU	
1. Tanggagaji:	
Gaji Sekarang	Gaji Baru
\$ c.	\$ c.
3,900 00	4,510 00
4,050 00	4,660 00

**Jadual Bilangan: POL—18****KETUA POLIS NEGARA****I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |   |                     |
|---|---------------------|
| 1. Tanggagaji:                          | \$4,950 × 200-5,150 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada               |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |   |                         |
|---|-------------------------|
| 1. Tanggagaji:                          | P 1—\$5,560 × 200-5,760 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada                   |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
4,950	00	5,560	00
5,150	00	5,760	00

PEMINDAHAN TANGGAGAJI JAWATANKUASA  
KABINET KEPADA TANGGAGAJI BARU BAGI  
ANGGOTA POLIS TAMBAHAN, YUNIT KAWA-  
LAN KAWASAN DAN PENGAKAP SEMPADAN  
SABAH DAN SARAWAK

<i>Jadual Bilangan</i>	<i>Pangkat</i>		<i>Tanggagaji Jawatan- kuasa Kabinet</i>	<i>Tanggagaji Baru</i>
PS—1	Konstabal . .	..	\$205 × 15-265/280 × 15-310/340 × 30-370	\$270 × 15-330/345 × 15- 375/405 × 30-435
PS—2	Kopral . .	..	\$370 × 30-550	\$435 × 30-615
PS—3	Sarjan . .	..	\$550 × 30-640	\$615 × 30-705



**SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI ANGGOTA  
POLIS TAMBAHAN, YUNIT KAWALAN  
KAWASAN DAN PENGAKAP SEMPADAN  
SABAH DAN SARAWAK**

**Jadual Bilangan: PS—1**

**KONSTABAL**

**I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Tanggagaji:                          | $\$205 \times 15-265/280 \times 15-310/340 \times 30-370$ |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada.  |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Tanggagaji:                          | $\$270 \times 15-330/345 \times 15-375/405 \times 30-435$ |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk<br>Penyandang: | Tiada.  |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang	Gaji Baru
\$    c.	\$    c.
250 00	270 00
220 00	285 00
235 00	300 00
250 00	315 00
265 00	330 00
<hr style="width: 50%; margin: 0 auto;"/>	<hr style="width: 50%; margin: 0 auto;"/>
280 00	345 00
295 00	360 00
310 00	375 00
<hr style="width: 50%; margin: 0 auto;"/>	<hr style="width: 50%; margin: 0 auto;"/>
340 00	405 00
370 00	435 00

**Jadual Bilangan: PS—2****KOPERAL****I. TANGGAGAJI SEKARANG**

- |                                      |                |
|--------------------------------------|----------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$370 × 30-550 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada.         |

**II. TANGGAGAJI BARU**

- |                                      |                |
|--------------------------------------|----------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$435 × 30-615 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada.         |

**III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU**

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
370	00	435	00
400	00	465	00
430	00	495	00
460	00	525	00
490	00	555	00
520	00	585	00
550	00	615	00

## Jadual Bilangan: PS—3

## SARJAN

## I. TANGGAGAJI SEKARANG

- |                                      |                |
|--------------------------------------|----------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$550 × 30-640 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada.         |

## II. TANGGAGAJI BARU

- |                                      |                |
|--------------------------------------|----------------|
| 1. Tanggagaji:                       | \$615 × 30-705 |
| 2. Tanggagaji Khas Untuk Penyandang: | Tiada.         |

## III. SIFIR PEMINDAHAN GAJI BARU

## 1. Tanggagaji:

Gaji Sekarang		Gaji Baru	
\$	c.	\$	c.
550	00	615	00
580	00	645	00
610	00	675	00
640	00	705	00